

Penerapan Nilai-nilai Murni Menerusi KOMSAS dalam Sistem Pendidikan Malaysia

ABSTRAK

Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Bahasa Melayu di Malaysia menekankan pemupukan dan penghayatan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini serta selaras pula dengan nilai-nilai moral sejagat. Kajian ini membataskan perbincangan kepada 16 nilai murni yang terkandung dalam tiga buah skrip drama dalam antologi "Anak Laut" Tingkatan IV, iaitu "Serunai Malam" karya Usman Awang; "Titik-titik Perjuangan" drama Kala Dewata; dan "Seri Nara" hasil Shaharom Husain mempunyai tema yang sama, yakni semangat patriotisme dan cinta akan tanah air dan bangsa di jiwa rakyat. Kaji selidik dijalankan terhadap 60 orang pelajar aliran sains Tingkatan IV yang seimbang dari segi etnik, jantina dan SES (Status Ekonomi dan Sosial). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki Melayu dari kelas atasan memperoleh nilai min yang lebih tinggi daripada pelajar perempuan bukan Melayu dari kelas menengah atau bawahan. Antara ketiga-tiga faktor tersebut, SES paling kuat mempengaruhi sikap pelajar terhadap nilai murni dalam drama-drama kajian. Oleh itu, nilai murni dalam sastera harus digunapakai secara meluas dalam sistem pendidikan kebangsaan untuk membentuk perasaan toleransi di samping mendekatkan nilai-nilai tersebut dalam kelompok etnik yang berbeza.


Kata-kata kunci: nilai-nilai murni, KOMSAS, Bahasa Melayu, perpaduan, berbilang kaum, dan negara Malaysia.

PENDAHULUAN

Falsalah Pendidikan Negara merumuskan matlamat pendidikan negara sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Musa Daia, 1993:57). Matlamat yang ingin dicapai itu diasaskan kepada konsep pendidikan sepadu yang mewujudkan pertalian yang jelas antara bidang kognitif, afektif dan psikomotor. Dalam pada itu, nilai murni sangat penting ditekankan dalam usaha melahirkan warganegara Malaysia yang berakhlak mulia dan bersatu padu. Maka nilai-nilai murni merentasi semua mata pelajaran dalam KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) yang wajib ditekankan oleh guru-guru dalam mencapai matlamat murni tersebut.

Dr. Chew Fong Peng ialah Pensyarah pada Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan UM (Universiti Malaya), 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Bagi keperluan sebarang urusan akademik, alamat emel beliau adalah: fpchew@um.edu.my

Menurut Mohd Kamal Hasan (1988), terdapat tiga unsur utama di dalam pendidikan, iaitu pendekatan, isi dan aplikasi. Unsur isi merupakan bahan yang boleh dicorak oleh pendekatan yang diberikan. Sekiranya isi diberikan pendekatan akhlak, apalikasinya akan melahirkan orang yang berakhlak. Oleh itu, kaedah pengajaran mestilah menggunakan pendekatan bersepadu,¹ yakni menghubungkan isi dengan nilai-nilai murni seperti nampak dalam rajah 1 berikut ini:



Rajah 1
Carta Alir Kaedah Pengajaran
(Sumber: Tajul Ariffin Noordin, 1993:44)

Berdasarkan rajah 1, guru mestilah cuba mengarahkan ilmu (isi) yang diajarkan supaya disepadukan dengan hal yang berkaitan dengan hal tersebut. Mata pelajaran Bahasa Melayu sesuai disepadukan dengan nilai murni.

KOMSAS DAN NILAI-NILAI MURNI

Komponen Sastera (KOMSAS) diperkenalkan dalam Bahasa Melayu pada tahun 2000 dan dilaksanakan secara berperingkat dari Tingkatan I sehingga Tingkatan III, dan Tingkatan IV ke Tingkatan V serentak. KOMSAS dalam Bahasa Melayu meliputi karya sastera yang berbentuk novel, drama, sajak, cerita klasik, dan puisi tradisional iaitu pantun, syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama.²

Strategi pengajaran dan pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu dalam KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) menekankan penggabungjalinan kecekapan bahasa dan penyerapan isi pelajaran yang akhirnya akan bersepadu

¹Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara. KBSM mula dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 1989. Dalam rancangan KBSM, pendidikan merupakan suatu strategi bagi menjalin unsur-unsur ilmu dan kemahiran, bahasa dan nilai-nilai murni dalam semua bidang pembelajaran.

²Senarai karya KOMSAS dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2000 bertarikh 23hb Februari 2000. Senarai karya akan bertukar dari semasa ke semasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003b: xvii).

antara satu sama lain. Dalam pengajaran-pembelajaran kecekapan bahasa, isi pelajaran dicadangkan menggunakan ciri-ciri sosio-budaya untuk menuju dan mencapai matlamat pendidikan Bahasa Melayu KBSM, iaitu penguasaan kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks sosial (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a).

Berikutan itu, unsur-unsur budaya yang perlu diterapkan adalah berpusatkan nilai dan kepercayaan yang positif dan sesuai dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Apa bentuk pengajaran sekalipun akan melibatkan perubahan atau pembentukan nilai-nilai dan kepercayaan kerana pendidikan itu sendiri bermakna satu proses perubahan tingkah-laku (Mohd Jonit Mohd Johari & Abdul Rashid Ali, 1993:110). Ini bersesuaian dengan objektif KOMSAS dalam Bahasa Melayu yang antara lain menekankan pemupukan dan penghayatan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini serta selaras pula dengan nilai-nilai moral sejagat. Unsur-unsur kerohanian yang terdapat dalam Pendidikan Moral telah dipadukan dalam Bahasa Melayu dan ini merupakan satu usaha saling membantu antara mata pelajaran untuk membentuk insan yang harmonis, luhur dan mulia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a).

Terdapat 16 nilai murni yang diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu, khususnya dilihat dari teks KOMSAS. Enam belas nilai murni itu terdiri daripada: (1) baik hati, (2) berdikari, (3) hemah tinggi, (4) hormat-menghormati, (5) kasih sayang, (6) keadilan, (7) kebebasan, (8) keberanian, (9) kebersihan fizikal dan mental, (10) kejujuran, (11) kerajinan, (12) kerjasama, (13) kesederhanaan, (14) kesyukuran, (15) rasional, dan (16) semangat bermasyarakat.

Nilai-nilai tersebut adalah hasil daripada hubungan individu dengan keluarga, rakan sebaya, masyarakat dan institusi yang individu itu menjadi anggotanya. Bagi membolehkan nilai-nilai murni ini dipupuk secara berterusan ke dalam individu pelajar, nilai-nilai itu diajar secara langsung dalam Bahasa Melayu di setiap peringkat persekolahan menerusi semua genre KOMSAS.

Setelah mengetahui butiran-butiran mengenai penerapan nilai murni dalam Bahasa Melayu menerusi KOMSAS, persoalan yang timbul sekarang ialah apakah sukatan ini mampu memupuk seorang insan atau manusia rakyat Malaysia menjadi seorang yang “serba lengkap” (*wholesome*) dan harmonis apabila dia dewasa kelak? Atau setidaknya-tidaknya dia berupaya membentuk seseorang itu agar dapat memiliki nilai-nilai yang wajar ada pada seorang yang “berpendidikan” (*educated person*) termasuk sifat toleransi sesama insan? (Ahmad Jaffni Hassan, 1993:99-100).

Oleh yang demikian, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji apakah nilai-nilai murni dapat membentuk perpaduan nasional di kalangan pelajar, bagaimana persepsi pelajar terhadap nilai-nilai murni dalam Bahasa Melayu menerusi teks KOMSAS berdasarkan Teori Sastera Perpaduan, dan apakah

kesan teori ini dengan bahasa-bahasa yang mengandungi nilai-nilai murni dengan pelajar yang mempelajarinya?

KONSEP SASTERA PERPADUAN

Sebelum memulakan kajian, adalah baik dijelaskan konsep sastera perpaduan berdasarkan teori tersebut. Sastera perpaduan adalah suatu mekanisme untuk mewujudkan penyatuan antara kelompok masyarakat berbagai latar belakang berdasarkan prinsip-prinsip atau dasar-dasar yang dikongsi bersama dari segi sosial dan budaya sehingga terbentuknya perasaan toleransi, seterusnya melahirkan satu sentimen kebangsaan dan kenegaraan di negara ini (Chew Fong Peng, 2005:14).

Konsep tersebut menjelaskan bahawa sastera perpaduan merupakan sejenis alat (*tool*) atau jambatan untuk memupuk perpaduan antara kelompok-kelompok masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bahasa, agama, kepercayaan dan budaya.

Masalah yang timbul sekarang ialah bagaimana untuk mencapai perpaduan tersebut? Cara yang ideal sekali ialah perkongsian prinsip hidup yang sama. Dalam kehidupan sosio-budaya di Malaysia, semua kaum harus saling berkongsi nilai-nilai budaya sebagai satu cara hidup, termasuklah kunjung-mengunjung semasa hari perayaan, menerima dan mengamalkan nilai positif, menghormati agama dan budaya kaum lain dan hidup secara harmoni. Kesemua ini terangkum dalam 16 nilai murni yang menjadi salah satu objektif pengajaran Bahasa Melayu menerusi KOMSAS.

Kesemua nilai murni tersebut boleh mewujudkan rasa toleransi yang tinggi, terutama diamalkan oleh golongan majoriti terhadap golongan minoriti. Selain itu, *co-existence* atau perkongsian hidup dapat dilahirkan. Matlamat terakhir sastera perpaduan ialah untuk memupuk satu sentimen kebangsaan. Dengan erti kata lain, semua warga negara Malaysia mempunyai perasaan setia dan cinta akan negara Malaysia dan bangga dengan identiti diri sebagai rakyat Malaysia, sebaliknya mengurangkan identifikasi diri sebagai kaum Melayu / Cina / India dan lain-lain.

Dalam kesusasteraan, sastera perpaduan merangkumi apa-apa bentuk sastera yang dapat memenuhi atau membentuk persefahaman antara kelompok yang berbagai sehingga melahirkan rasa toleransi dan perkongsian hidup, dan membentuk semangat kebangsaan di kalangan pembaca itu.

Berdasarkan konsep tersebut, maka drama-drama KOMSAS Tingkatan 4 didapati menepati kriteria dan ciri-ciri sastera perpaduan kerana gaya bahasanya mengandungi 16 nilai murni yang dituntut oleh Teori Sastera Perpaduan.

ENAM BELAS NILAI MURNI DALAM BAHASA TEKS KOMSAS SEBAGAI KONSTRUK KAJIAN

Kajian ini memilih genre drama dalam antologi *Anak Laut* (2001) Tingkatan IV sebagai teks kajian, sesuai dengan sasaran kajian, pelajar sekolah. Sebanyak 16 nilai-nilai murni dalam tiga buah drama akan dibincangkan.

Mengapa genre drama dipilih dan bukannya genre lain? Jawapannya, drama dalam antologi *Anak Laut* (2001) didapati mengandungi kesemua 16 nilai murni. Drama yang merupakan genre paling istimewa dalam kesusasteraan Melayu moden adalah wadah yang cukup sesuai untuk menggambarkan ragam kehidupan yang kita prihatinkan kerana dihasilkan dalam bentuk dialog.

Untuk mengenalpasti nilai-nilai murni dalam bahasa dari drama pilihan, maka pengkaji meneliti sifat-sifat atau jalan cerita yang menonjolkan nilai tersebut dalam bentuk dialog. Berikut merupakan sinopsis cerita yang berhubung dengan 16 nilai murni yang dikenalpasti dalam teks drama kajian.

Terdapat tiga buah drama yang menjadi kajian teks KOMSAS Tingkatan 4, iaitu *Serunai Malam* karya Usman Awang; *Titik-titik Perjuangan* drama Kala Dewata; dan *Seri Nara* hasil Shaharom Husain. Ketiga-tiga drama tersebut mempunyai tema yang sama, yakni semangat patriotisme dan cinta akan tanah air dan bangsa di jiwa rakyat. Namun begitu, aspek nilai-nilai murni sahaja akan dijadikan fokus kajian.

Sasterawan Negara, Usman Awang, memang terkenal dengan langgam bahasa yang menarik dan mengasyikkan. Melalui drama *Serunai Malam*, beliau mengisahkan Umar, pemuda Melayu, yang **berdikari**, baru menamatkan pengajian di universiti. Dia ingin memilih kerjaya sebagai guru dengan **rasional** bahawa bidang ini kurang diceburi oleh para graduan Melayu, terutamanya di kawasan pedalaman. Tindakan itu juga sebagai usaha **mengenang jasa** dan budi baik tanah air terhadapnya. Hasrat Umar itu ditentang hebat oleh tunangnya, Safiah. Safiah mahu Umar bekerja di Kementerian Luar Negeri supaya dapat berkhidmat di luar negara. Sebenarnya, Safiah ingin tinggal di bandar-bandar besar seperti Paris atau London. Umar menerangkan bahawa penderitaan hidup semasa kecil menginsafkannya supaya berkhidmat untuk rakyat di kawasan kampung atau di pedalaman. Ini menunjukkan bahawa Umar seorang yang **baik hati** dan prihatin terhadap nasib bangsa sendiri yang ketinggalan di kawasan tersebut. Akhirnya, Safiah mengalah dan **menghormati** kerjaya yang dipilih oleh tunangnya kerana **kasih sayang** yang mendalam antara satu sama lain.

Manakala *Titik-titik Perjuangan* karya Kala Dewata, dramatis realisme yang tidak asing dalam persada sastera tanah air, telah dipilih sebagai salah sebuah teks KOMSAS Tingkatan 4. Drama tersebut mengisahkan Pegawai Melayu yang bekerja dengan kerajaan British yang menjajah negara ini. Dia bersikap sombong dan memusuhi bangsa sendiri yang menuntut kemerdekaan. Dia tidak yakin bahawa bangsanya dapat hidup merdeka. Baginya, penjajah Inggeris masih diperlukan. Sementara itu, bangsanya sendiri terdiri daripada Orang Tua, Orang Muda dan Gadis yang memiliki semangat patriotik yang tinggi, sanggup berjuang untuk menuntut kemerdekaan. Malahan Orang Tua dan Orang Muda **bebas** meluahkan pendapat dan **berani** menentang kata-kata Pegawai Melayu demi perjuangan mencapai kemerdekaan. Dari segi lain, penduduk kampung **rajin** bekerja di ladang, kebun dan sawah untuk

menyara kehidupan mereka yang dilanda kesusahan. Rakyat bawahan yang **sabar** menanggung pelbagai kesusahan pada zaman penjajahan British. Mereka juga tidak takut ditangkap oleh pihak Inggeris. Apabila negara mencapai kemerdekaan, pegawai berkenaan terus menjadi pegawai kerajaan. Pada mulanya, dia berlagak seperti pegawai pada zaman British, tetapi akhirnya dia insaf dan **mengakui kesalahan sendiri**. Dia sedar akan peranannya sebagai pegawai yang sepatutnya berkhidmat untuk rakyat. Dia bersikap **kesederhanaan** dengan menjalankan tanggungjawabnya untuk sama-sama membangunkan negara tercinta yang telah merdeka.

Shaharom Husain menerusi drama *Seri Nara* yang menampilkan pemikiran tentang **semangat bermasyarakat** dan pemuafakatan penduduk untuk membuka sebuah negeri baru di Kuala Sungai Johor bagi menggantikan negeri Melaka yang telah jatuh ke tangan Portugis. Anjang Awang, Pandak Aman, dan Hang Kadim mengetuai kumpulan yang membersihkan kawasan untuk dijadikan tapak pembinaan istana. Sementara itu, Batin Salleh mengetuai orang yang menebang dan memotong kayu. Demang Sulung pula mengetuai orang yang akan bertukang membina istana. Raja Sulaiman Syah yang dilantik menjadi wakil raja **amanah** menjalankan tugas mengawasi kerja-kerja berkenaan. Akhir sekali, Datuk Seri Nara menjadi perancang dalam usaha pembukaan negeri baru itu.

Kerja-kerja mereka terganggu apabila kumpulan yang terdiri daripada keluarga raja enggan melakukan kerja berat untuk membina kubu. Hal itu mengecewakan Sultan Alauddin Riayat Syah. Namun dengan **pemikiran yang positif** dan membina, Baginda segera berusaha mengatasinya. Sementara itu, pasukan askar laut Peringgi telah memusnahkan perahu dan tongkang yang berlabuh di Selat Teberau. Sultan Alauddin Riayat Syah meminta semua orang, termasuk kerabat diraja, **bekerjasama** bagi menjamin negeri yang baru dibuka supaya menjadi kuat dan mampu melawan Peringgi. Gesaan itu adalah untuk menjaga **keadilan** dan kesaksamaan sesebuah negara kerana negara adalah milik semua penduduk. Negeri baru itu dinamai “Johor Darul Takzim”.

Huraian tersebut jelas menggambarkan bahawa drama *Serunai Malam* dikenalpasti mengandungi enam nilai murni dalam dialognya; manakala dialog dalam drama *Titik-titik Perjuangan* dan *Seri Nara* masing-masing mempunyai lima nilai murni. Setelah mengenal pasti 16 nilai murni dalam tiga buah drama KOMSAS tersebut, maka kajian yang akan dijalankan adalah berdasarkan konstruk yang dibina berpandukan Teori Sastera Perpaduan.

Konstruk Teori Sastera Perpaduan diaplikasikan kerana ada kepentingan bahawa kesusasteraan Melayu adalah kesusasteraan kebangsaan dan kehadiran nilai-nilai murni dalam KOMSAS merupakan tulang belakang kepada pembentukan perpaduan antara rakyat di negara ini. Dengan demikian, nilai-nilai murni dalam KOMSAS itu cuba dikenal pasti apakah boleh membentuk perpaduan di kalangan rakyat dengan teori yang diguna pakai.

Pendedahan di atas menunjukkan bahawa 16 nilai murni dalam drama KOMSAS akan dijadikan 16 indeks soal selidik untuk disoal kepada khalayak

pembaca. Pembaca yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial boleh diringkaskan kepada tiga aspek, yakni etnik (Melayu dan bukan Melayu), jantina (lelaki dan perempuan), dan status sosio-ekonomi (SES rendah, menengah dan tinggi). Etnik, jantina dan SES yang berlainan pasti mempunyai tanggapan dan penerimaan yang langsung berbeza antara satu sama lain. Jadi untuk meninjau pandangan itu, kajian empirikal parametrik perlu dilaksanakan bagi mendapat gambaran yang lebih menyeluruh dan jelas.

KAJI SELIDIK

Teks KOMSAS genre drama Tingkatan 4 dipilih dan digunapakai untuk perbincangan bersama para pelajar terlebih dahulu sebelum kajian dilakukan. Dengan itu, para pelajar terlibat secara langsung dengan bahan pengajaran yang mengandungi 16 nilai murni. Ini bererti pendekatan teks dan perbincangan diaplikasikan bagi mencapai pemahaman dan penerimaan para pelajar Tingkatan 4 terhadap teks KOMSAS pilihan (drama). Nilai murni diajar dalam mata pelajaran KOMSAS secara implisit. Fokus utamanya bukanlah semata-mata perkembangan peribadi individu, tetapi meliputi perkembangan dinamik kumpulan melalui pasukan atau kerja berkumpulan. Melalui perbincangan, para pelajar akan lebih bertoleransi, memahami, penyayang dan berkongsi melalui strategi-strategi pengajaran, personal, profesional dan refleksi. Pembelajaran secara kolaboratif amat digalakkan (Mohammad Sani Ibrahim, 1999:139).

Pengajaran dan pembelajaran mementingkan kesan kepada pembacanya. Untuk mengetahui apakah kesan pengajaran tersebut, kajian kes sangat perlu dijalankan. Oleh itu, kajian yang dijalankan berbentuk empirikal dengan menggunakan *Sistem Pukul Statistik Sains Sosial* atau SPSS (Nor Azizah Salleh & Shamsiah Ahmad, 1993).

Kajian ini adalah penting untuk melihat apakah pembaca dapat mengamati dan menyelami 16 keadaan yang menggambarkan nilai murni dalam KOMSAS melalui drama pilihan. Persoalan yang timbul ialah apakah wujud perbezaan tanggapan, pengamatan dan pendapat di kalangan pembaca (responden) terhadap nilai-nilai murni yang terdapat dalam KOMSAS melalui drama-drama tersebut? Apakah terdapat kaitan antara latar belakang pembaca dengan pandangan mereka terhadap nilai-nilai murni dalam teks drama kajian setelah mengikuti pembelajaran berdasarkan pendekatan teks dan perbincangan? Apakah Teori Sastera Perpaduan itu ada pengaruh dan kesan berkaitan dengan nilai-nilai murni dalam teks drama yang dinyatakan terhadap perpaduan?

Kaji selidik ini melibatkan dua buah sekolah menengah kebangsaan di Klang yang dipilih secara rawak. Seramai 60 orang responden terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 aliran sains telah dipilih untuk kajian ini. Pelajar aliran sains dipilih memandangkan kemahiran belajar mereka lebih kuat di samping keupayaan mentaksir dan menilai yang lebih tinggi.

Oleh sebab terdapat ketidakseimbangan bilangan responden daripada setiap sekolah, pengkaji telah memilih secara berstrata agar seimbang dari

segi etnik, jantina dan SES (Status Ekonomi dan Sosial). Ini bererti 30 orang pelajar adalah Melayu, 30 orang bukan Melayu; 30 orang pelajar lelaki, 30 orang pelajar perempuan; 20 orang pelajar yang SES tinggi, 20 orang SES sederhana, dan 20 orang SES rendah.

Dalam kajian ini, hipotesis nol telah dibangunkan iaitu: **“Tidak ada hubungan yang signifikan antara latar belakang sosial responden dengan tanggapan mereka terhadap nilai-nilai murni dalam teks drama dalam pembentukan perpaduan”**. Oleh itu, pembolehubah bebas dalam kajian ini latar belakang sosial yang mencakupi aspek etnik, jantina dan SES responden, manakala pembolehubah bergantung adalah 16 item nilai-nilai murni dalam tiga buah drama KOMSAS tersebut.

Bagi mendapatkan data, satu set soal selidik disediakan. Soal selidik digunakan kerana dapat memberikan maklumat dengan lebih cepat dan tepat berbanding kaedah temu bual di mana responden berkemungkinan besar menyembunyikan sesuatu apabila bersemuka dengan penyelidik yang tidak dikenali. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian A yang terdiri daripada tiga item, iaitu etnik, jantina dan SES responden. Ketiga-tiga item ini disediakan jawapan untuk dipilih oleh responden mengikut latar belakang masing-masing. Ini bererti item tertutup digunakan di bahagian A.

Manakala Bahagian B mengandungi 16 item yang berkaitan dengan petikan dialog yang menggambarkan 16 nilai murni berdasarkan drama KOMSAS Tingkatan 4. Item 1 hingga 6 ialah enam nilai murni yang terdapat dialog skrip drama *Serunai Malam* karya Usman Awang; item 7 hingga 11 pula merupakan lima nilai murni dalam dialog drama *Titik-titik Perjuangan* oleh Kala Dewata; manakala item 12 hingga 16 ialah petikan dialog yang berkaitan dengan lima nilai murni dalam drama Shaharom Hussain yang berjudul *Seri Nara*. Kesemua item dalam bahagian B soal selidik ini adalah soalan tertutup di mana responden dikehendaki menjawab soalan petikan berdasarkan petunjuk yang diberikan. Responden dikehendaki memilih pernyataan yang berhubung dengan nilai-nilai murni berdasarkan pandangan sendiri berdasarkan skala Likert.

Sebelum kajian dijalankan, soal selidik itu perlu dipastikan mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi. Untuk tujuan tersebut, satu kajian rintis telah dijalankan di kalangan 20 orang pelajar tingkatan IV sebuah sekolah menengah kebangsaan di Klang. Nilai kesahihan soal selidik berdasarkan Alpha Cronbach secara keseluruhan ialah 0.8540. Ini menggambarkan kesemua item berada di atas paras 0.6 (Martin, 1966); yang bererti berada di tahap tinggi kebolehppercayaan item dan sesuai digunakan untuk tujuan kajian seterusnya.

DAPATAN KAJIAN:

Penganalisan data yang dikutip adalah berdasarkan SPSS versi 15.0. Bagi mendapatkan gambaran awal tentang kecenderungan para responden terhadap kesemua item tersebut, maka analisis min dan sisihan lazim diaplikasikan. Seterusnya pendekatan analisis korelasi digunakan untuk menggambarkan

indeks atau nilai hubungan antara pembolehubah bebas (latar belakang sosial) dengan pembolehubah bergantung (16 item dalam Bahasa Melayu melalui drama pilihan). Kajian diakhiri dengan analisis regresi berganda yang membekalkan jawapan tentang kesan pengajaran terhadap penerimaan nilai-nilai murni dalam drama KOMSAS Tingkatan 4 di kalangan pelajar.

A. MIN DAN SISIHAN LAZIM

Perbincangan didahului dengan markat min dan sisihan lazim di kalangan pelajar aliran sains Tingkatan 4 mengikut faktor etnik. Menurut J.G. Martin (1966), sifat prasangka dan toleransi sangat berkait rapat dengan faktor etnik. Oleh itu faktor etnik penting diteliti sejauh mana mempengaruhi pandangan dan penerimaan para responden seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 berikut ini:

Jadual 2
Markat Min bagi 16 Item Nilai Murni dalam Bahasa Melalui Drama KOMSAS
bagi Responden Mengikut Etnik

Item Drama (N=60)	Etnik	Min	Sisihan Lazim	Min Purata Item	Sisihan Lazim Purata
1. Berdikari	Bukan Melayu	3.7667	1.1043	3.7667	1.1404
	Melayu	3.7667	1.1943		
2. Rasional	Bukan Melayu	3.5667	1.1351	3.6000	1.1078
	Melayu	3.6333	1.0981		
3. Kesyukuran (mengenang jasa)	Bukan Melayu	3.7333	1.2299	4.0667	1.0393
	Melayu	4.4000	0.6747		
4. Baik hati	Bukan Melayu	3.8667	1.0742	3.8667	0.9649
	Melayu	3.8667	0.8604		
5. Hormat-menghormati	Bukan Melayu	3.9333	1.2299	4.0667	1.0555
	Melayu	4.2000	0.8469		
6. Kasih sayang	Bukan Melayu	3.6333	1.3767	3.8000	1.1615
	Melayu	3.9667	0.8899		
7. Kebebasan	Bukan Melayu	3.8667	1.1366	3.7000	1.1689
	Melayu	3.5333	1.1958		
8. Keberanian	Bukan Melayu	3.4667	1.3830	3.5167	1.2952
	Melayu	3.5667	1.2229		
9. Kerajinan	Bukan Melayu	3.9667	1.0981	3.8167	1.0167
	Melayu	3.6667	0.9223		
10. Hemah tinggi (mengakui kesalahan diri)	Bukan Melayu	3.6333	1.2994	3.6000	1.1230
	Melayu	3.5667	0.9353		
11. Kesederhanaan	Bukan Melayu	3.5000	1.2526	3.9000	1.0846
	Melayu	4.3000	0.7022		
12. Semangat bermasyarakat	Bukan Melayu	3.4000	1.3287	3.7500	1.2572
	Melayu	4.1000	1.0939		

13. Kejujuran (Amanah)	Bukan Melayu	3.8667	1.0743	3.7167	1.1363
	Melayu	3.5667	1.1943		
14. Kebersihan fizikal dan mental (Pemikiran yang membina)	Bukan Melayu	4.1333	1.1666	3.9000	1.1154
	Melayu	3.6667	1.0283		
15. Kerjasama	Bukan Melayu	3.5333	1.3060	3.6667	1.1449
	Melayu	3.8000	0.9613		
16. Keadilan	Bukan Melayu	3.7000	1.1789	3.6500	1.1020
	Melayu	3.6000	1.0372		
Purata Keseluruhan				3.7740	1.1196
Bukan Melayu				3.7229	1.2050
Melayu				3.8250	0.9911

Jadual 2 memaparkan markat min purata secara keseluruhan bernilai 3.7740 dengan perincian bukan Melayu sebanyak 3.7229 dan etnik Melayu sebanyak 3.8250. Ini bererti bahawa pelajar-pelajar Melayu mengamalkan sikap yang lebih positif berbanding bukan Melayu terhadap kesemua 16 item nilai murni yang diperoleh daripada drama KOMSAS Tingkatan 4 secara umumnya.

Namun jika diperinci didapati bahawa etnik Melayu memperoleh markat min yang lebih tinggi daripada bukan Melayu dalam lapan item, iaitu: (1) nilai kebebasan, (2) kebersihan fizikal dan mental, (3) hemah tinggi, (4) hormat-menghormati, (5) semangat bermasyarakat, (6) kesyukuran, (7) kasih sayang, dan (8) kesederhanaan; manakala lapan item yang lain (berdikari, rasional, baik hati, keberanian, kerajinan, kejujuran, kerjasama, dan keadilan) memperlihatkan sikap bukan Melayu yang lebih terbuka berbanding Melayu. Ini bererti bahawa kedua-dua etnik mempunyai kecenderungan pemikiran yang berbeza terhadap 16 nilai murni yang terdapat dalam drama kajian.

Selain itu, item nilai murni dalam drama kajian yang memperoleh markat min yang paling tinggi bagi bukan Melayu ialah nilai kebersihan fizikal dan mental (4.1333) dalam drama *Seri Nara*; manakala item yang paling tinggi markat min bagi etnik Melayu ialah nilai kesyukuran (4.4000) dalam drama *Serunai Malam*. Sebaliknya, etnik Melayu kurang menyetujui nilai kebersihan mental dalam drama *Seri Nara*. Pelajar Melayu pula paling menyokong nilai kesyukuran dalam drama *Serunai Malam* kerana ajaran Islam menggalakkan umatnya sentiasa mensyukuri apa yang diperolehi. Sebaliknya, markat min yang paling rendah diperolehi oleh bukan Melayu terdiri daripada nilai semangat bermasyarakat (3.4000) menerusi drama *Seri Nara*. Bagi etnik Melayu, nilai kebebasan (3.5333) dalam drama *Titik-titik Perjuangan* menjadi item yang paling rendah markat minnya disebabkan mereka kurang merasai keberkesanan nilai tersebut dalam dialog drama berkenaan.

Seterusnya, dapat dikesan perbezaan markat min antara kedua-dua etnik tersebut walaupun tidak ketara (0 hingga 0.8000). Perbezaan markat min

yang besar iaitu antara 0.5000 hingga 1.0000 terdapat pada item semangat bermasyarakat, kesyukuran dan kesederhanaan. Ini menggambarkan bahawa kedua-dua etnik mempunyai perbezaan pendapat yang besar tentang tiga nilai murni dalam drama tersebut atas faktor berbeza. Sebaliknya, markat min bagi nilai berdikari dan baik hati dalam drama kajian adalah sama bagi kedua-dua etnik. Manakala 13 item nilai murni menerusi drama kajian tidak menampakkan perbezaan markat min yang besar. Maka boleh dikatakan bahawa kedua-dua etnik memperlihatkan lebih banyak ciri-ciri persamaan pendapat daripada perbezaan pendapat.

Selain etnik, faktor jantina turut mempengaruhi pandangan dan penerimaan seseorang. Di kalangan masyarakat yang mengamalkan sistem patriakal, wujud pandangan yang berbeza antara golongan lelaki dengan perempuan kerana masyarakat patriakal lebih menitikberatkan nasab lelaki. Perbezaan pandangan mengikut jantina boleh diperlihatkan di kalangan responden menengah atas seperti yang dipaparkan dalam jadual 3 berikut ini:

Jadual 3
Markat Min bagi 16 Item Nilai Murni dalam Bahasa Melayu Melalui
Drama KOMSAS bagi Responden Mengikut Jantina

Item Drama (N=60)	Jantina	Min	Sisihan Lazim	Min Purata Item	Sisihan Lazim Purata
1. Berdikari	Perempuan	3.7333	1.2228	3.7667	1.1404
	Lelaki	3.7778	1.1259		
2. Rasional	Perempuan	3.4667	1.1872	3.6000	1.1078
	Lelaki	3.6444	1.0904		
3. Kesyukuran (mengenang jasa)	Perempuan	4.4667	0.6400	4.0667	1.0393
	Lelaki	3.9333	1.1160		
4. Baik hati	Perempuan	3.9333	0.8837	3.8667	0.9649
	Lelaki	3.8444	0.9990		
5. Hormat- menghormati	Perempuan	4.4000	0.6325	4.0667	1.0555
	Lelaki	3.9556	1.1472		
6. Kasih sayang	Perempuan	4.3333	0.7238	3.8000	1.1615
	Lelaki	3.6222	1.2310		
7. Kebebasan	Perempuan	3.2667	1.2228	3.7000	1.1689
	Lelaki	3.8444	1.1273		
8. Keberanian	Perempuan	3.1333	1.0601	3.5167	1.2952
	Lelaki	3.6444	1.3510		
9. Kerajinan	Perempuan	3.5333	0.9155	3.8167	1.0167
	Lelaki	3.9111	1.0406		
10. Hemah tinggi (mengakui kesalahan diri)	Perempuan	3.2000	0.9411	3.6000	1.1230
	Lelaki	3.7333	1.1560		
11. Kesederhanaan	Perempuan	4.4000	0.7368	3.9000	1.0846
	Lelaki	3.7333	1.1361		

12. Semangat bermasyarakat	Perempuan	4.3333	0.8165	3.7500	1.2572
	Lelaki	3.5556	1.3238		
13. Kejujuran (Amanah)	Perempuan	3.4000	0.9856	3.7167	1.1363
	Lelaki	3.822	1.1734		
14. Kebersihan fizikal dan mental (Pemikiran yang membina)	Perempuan	3.6000	0.9856	3.9000	1.1154
	Lelaki	4.0000	1.1481		
15. Kerjasama	Perempuan	3.5333	1.0601	3.6667	1.1449
	Lelaki	3.7111	1.1798		
16. Keadilan	Perempuan	3.4000	1.0556	3.6500	1.1020
	Lelaki	3.7333	1.1160		
Purata Keseluruhan				3.7740	1.1196
Perempuan				3.7583	0.9419
Lelaki				3.7792	1.1538

Berdasarkan jadual 3, markat min purata bagi jantina terhadap 16 item nilai murni melalui drama kajian ialah sebanyak 3.7740, dengan perincian markat min purata perempuan sebanyak 3.7583 dan lelaki sebanyak 3.7792, menggambarkan golongan lelaki lebih menyokong kuat terhadap nilai murni dalam tiga drama kajian secara keseluruhannya.

Golongan pelajar lelaki memperoleh markat min yang lebih tinggi daripada pelajar perempuan bagi sepuluh item, iaitu: (1) nilai berdikari, (2) kerajinan, (3) kejujuran, (4) keadilan, (5) kerjasama, (6) kebebasan, (7) kebersihan fizikal dan mental, (8) hemah tinggi, (9) rasional, dan (10) kesederhanaan. Ini bererti bahawa golongan pelajar lelaki lebih bersifat toleransi berbanding perempuan dalam sepuluh nilai murni menerusi tiga drama berkenaan. Sebaliknya bagi pelajar perempuan, item yang memperoleh markat min yang tinggi termasuklah nilai baik hati, hormat-menghormati, semangat bermasyarakat, kesyukuran, kasih sayang dan keberanian. Hasil dapatan ini adalah di luar jangkaan kerana adalah menjadi kelaziman bahawa golongan perempuan dididik supaya mengamalkan nilai murni yang baik sejak kecil, sepatutnya merekalah pendokong nilai-nilai murni yang lebih kuat berbanding lelaki.

Item yang memperoleh markat min yang paling tinggi bagi pelajar perempuan ialah nilai kesyukuran (4.4667) dalam drama *Serunai Malam*; manakala item yang paling tinggi markat min bagi pelajar lelaki ialah item kebersihan fizikal dan mental (4.0000) menerusi drama *Seri Nara*. Sebaliknya, pelajar lelaki kurang menyetujui kenyataan item semangat bermasyarakat (3.5556) dalam drama *Seri Nara*, sementara pelajar perempuan pula mendapat markat min terendah bagi item keberanian (3.1333) menerusi drama *Titik-titik Perjuangan*. Ini menggambarkan bahawa kedua-dua jantina lebih menyokong kuat terhadap item nilai yang bersifat personal berbanding indeks yang lebih bersifat interaksi sosial.

Di samping itu, kedua-dua golongan jantina turut menunjukkan perbezaan min yang tidak besar antara 0.0300 hingga 0.7777. Item yang memperlihatkan perbezaan pandangan antara jantina antara 0.5000 hingga 0.7777 terdapat

dalam drama yang mengandungi nilai kesyukuran, kasih sayang, keberanian, hemah tinggi, semangat bermasyarakat dan kebebasan. Ini bererti bahawa pelajar perempuan dan lelaki mempunyai pemikiran yang agak berbeza dalam enam item itu sebagai langkah-langkah menuju perpaduan nasional. Manakala sepuluh item nilai yang lain tidak memperlihatkan banyak perbezaan markat min antara lelaki dengan perempuan.

Berdasarkan *Rancangan Malaysia Kelapan 2000-2005*, masyarakat Malaysia secara kasar boleh dibahagikan kepada tiga kelas sosio-ekonomi berdasarkan pendapatan bulanan isi rumah, iaitu kelas atasan, menengah dan bawah. Secara relatif, golongan kelas atasan dapat menikmati lebih banyak kemudahan dan keperluan asas dan mewah termasuklah penguasaan maklumat, diikuti oleh kelas menengah, dan akhir sekali kelas rendah. Justeru setiap kelas mempunyai persepsi, pandangan dan pemikiran yang berbeza memandangkan mereka mempunyai latar belakang sosial yang berlainan. Perbincangan mengenai markat min bagi semua item dalam bahasa menerusi drama KOMSAS Tingkatan 4 di kalangan responden menengah atas mengikut SES ditunjukkan dalam jadual 4 berikut ini:

Jadual 4
Markat Min bagi 16 Item Nilai Murni dalam Bahasa Melayu Melalui
Drama KOMSAS bagi Responden Mengikut SES

Item Drama (N=60)	SES	Min	Sisihan Lazim	Min Purata Item	Sisihan Lazim Purata
1. Berdikari	Rendah	2.7000	1.0311	3.7667	1.1404
	Sederhana	4.0000	0.79472		
	Tinggi	4.6000	0.5982		
2. Rasional	Rendah	3.2500	1.0700	3.6000	1.1078
	Sederhana	3.6000	1.3139		
	Tinggi	3.9500	0.8256		
3. Kesyukuran (Mengenang jasa)	Rendah	3.7500	1.2927	4.0667	1.0393
	Sederhana	4.0000	1.0260		
	Tinggi	4.4500	0.6048		
4. Baik hati	Rendah	3.3500	1.1821	3.8667	0.9649
	Sederhana	3.9000	0.7881		
	Tinggi	4.3500	0.5871		
5. Hormat- menghormati	Rendah	3.7500	1.1180	4.0667	1.0555
	Sederhana	4.1000	1.0712		
	Tinggi	4.3500	0.9333		
6. Kasih sayang	Rendah	3.5500	1.3169	3.8000	1.1615
	Sederhana	3.5500	1.1459		
	Tinggi	4.3000	0.8645		
7. Kebebasan	Rendah	3.1500	1.0400	3.7000	1.1689
	Sederhana	3.7000	1.2607		
	Tinggi	4.2500	0.9666		
8. Keberanian	Rendah	2.7500	1.1642	3.5167	1.2952
	Sederhana	3.3500	1.2680		
	Tinggi	4.4500	0.8256		

9. Kerajinan	Rendah	3.3000	1.0809	3.8167	1.0167
	Sederhana	3.8000	1.0052		
	Tinggi	4.3500	0.6708		
10. Hemah tinggi (mengakui kesalahan diri)	Rendah	3.1000	1.1653	3.6000	1.1230
	Sederhana	3.5500	0.9987		
	Tinggi	4.1500	0.9881		
11. Kesederhanaan	Rendah	3.6500	1.3870	3.9000	1.0846
	Sederhana	4.0000	1.0260		
	Tinggi	4.0500	0.7592		
12. Semangat masyarakat	Rendah	3.0500	1.4318	3.7500	1.2572
	Sederhana	4.3000	0.8645		
	Tinggi	3.9000	1.1192		
13. Kejujuran (amanah)	Rendah	3.3000	1.3416	3.7167	1.1363
	Sederhana	3.8500	0.9881		
	Tinggi	4.0000	0.9733		
14. Kebersihan fizikal dan mental	Rendah	3.3000	1.2183	3.9000	1.1154
	Sederhana	3.9000	1.0712		
	Tinggi	4.5000	0.6882		
15. Kerjasama	Rendah	2.9500	1.0501	3.6667	1.1449
	Sederhana	3.8500	1.1367		
	Tinggi	4.2000	0.8944		
16. Keadilan	Rendah	2.9000	1.1192	3.6500	1.1020
	Sederhana	3.8500	0.8751		
	Tinggi	4.2000	0.8944		
Purata				3.7740	1.1196
Rendah				3.2375	1.1256
Sederhana				3.8312	1.0396
Tinggi				4.2531	0.7328

Jadual 4 memaparkan markat min purata sebanyak 3.7740, di mana SES rendah sebanyak 3.2375, kelas menengah sebanyak 3.8312 dan SES tinggi sebanyak 4.2531. Kesemua item nilai itu memperlihatkan bahawa SES tinggi mempunyai markat min yang lebih tinggi daripada SES menengah dan rendah. Ini bererti bahawa nilai murni dalam drama kajian di kalangan SES tinggi adalah lebih kuat daripada SES lain.

SES rendah memperoleh markat min yang paling tinggi bagi item nilai hormat-menghormati dan kesyukuran (3.7500) dalam drama *Serunai Malam* menunjukkan bahawa golongan itu menyetujui kedua-dua sifat itu perlu diterapkan dalam kehidupan seharian. SES menengah pula meletakkan item semangat bermasyarakat (4.3000) menerusi drama *Seri Nara* di kedudukan tertinggi dalam pemikiran mereka, SES tinggi mendapat skor min yang tertinggi bagi nilai berdikari (4.6000) dalam drama *Serunai Malam*. Manakala item bahasa yang paling rendah bagi SES tinggi ialah mengenai semangat bermasyarakat (3.9000) menerusi drama *Seri Nara*, SES menengah ialah nilai keberanian (3.3500) dalam drama *Titik-titik Perjuangan*, dan SES rendah pula ialah item berdikari dalam drama *Serunai Malam*.

Suatu yang menarik diperhatikan di sini ialah item nilai yang menjadi kegemaran sesuatu kelas sosio-ekonomi menjadi pilihan yang paling tidak

diminati oleh kelas lain, misalnya item nilai berdikari dipandang tinggi oleh SES tinggi, sebaliknya disambut dingin oleh SES rendah; nilai semangat bermasyarakat menjadi item kegemaran SES sederhana, tetapi paling diabaikan oleh SES tinggi. Kecenderungan ini memaparkan pemikiran ketiga-tiga kelas tersebut yang langsung berkontra dan tidak serasi antara satu sama lain.

Ketiga-tiga SES tinggi, menengah dan bawah mempunyai pemikiran yang agak berbeza antara satu sama lain terhadap kesemua item nilai murni dalam drama kajian kerana terdapat permintaan dan tuntutan yang berbeza. Perbezaan pemikiran itu diperlihatkan melalui perbezaan markat min yang jauh antara 0.6000 hingga 1.7000. Jika diteliti item yang menunjukkan perbezaan markat min yang melebihi 1.000 hingga 1.7000, terdapat lima item yang dikenal pasti, iaitu: (1) nilai kejujuran, (2) hormat-menghormati, (3) semangat bermasyarakat, (4) kesyukuran, dan (5) kasih sayang. Sebelas item lain dalam drama kajian tidak menunjukkan perbezaan pemikiran antara SES yang besar.

SES tinggi paling tinggi markat min bagi 15 item nilai tersebut (kecuali nilai semangat bermasyarakat), memperlihatkan bahawa mereka menyetujui dengan kuat terhadap nilai murni menerusi drama KOMSAS Tingkatan IV. Sebaliknya, kelas rendah paling rendah pemerolehan markat minnya boleh ditafsirkan sebagai golongan yang kurang prihatin terhadap peranan dan pemikiran tersebut.

Melalui jadual 2, 3, dan 4, kesemua latar belakang sosial (etnik, jantina dan SES) memperoleh markat min yang tinggi melebihi 2.700. Susunan strata item bahasa yang mengandungi nilai-nilai murni mengikut min purata bagi ketiga-tiga latar belakang sosial adalah sama, iaitu bermula dengan item nilai hormat-menghormati (4.0667), diikuti dengan nilai kebersihan fizikal dan mental, selain daripada item kesederhaan (3.9000), tempat keempat ialah item baik hati (3.8667), diikuti dengan nilai kerajinan (3.8167), kasih sayang (3.8000), berdikari (3.7667), semangat bermasyarakat (3.7500), dan kejujuran (3.7167); kemudian disusuli dengan kebebasan (3.7000), kerjasama (3.6667), keadilan (3.6500), tempat ke-14 dikongsi bersama oleh item nilai hemah tinggi dan rasional (3.6000), diakhiri oleh nilai keberanian (3.5167).

Sisihan lazim yang tidak jauh beza bagi semua item nilai murni untuk semua latar belakang sosial menunjukkan bahawa konstruk item yang dibina adalah kukuh dan kuat. Perbincangan di atas telah memperlihatkan kecenderungan responden terhadap kesemua 16 nilai murni (pembolehubah bergantung) yang dibangunkan melalui tiga buah drama KOMSAS Tingkatan 4 berdasarkan Teori Sastera Perpaduan (Chew Fong Peng, 2005) bahawa kebanyakannya cenderung ke arah positif.

B. ANALISIS REGRESI BERGANDA

Bagi mendapat perkaitan antara 16 item nilai-nilai murni melalui tiga buah drama KOMSAS dengan responden dan pengaruh Teori Sastera Perpaduan, maka analisis regresi berganda digunakan untuk mengkaji dampak drama-

drama itu kepada persepsi responden terhadap nilai. Keputusan regresi berganda itu adalah seperti jadual 5 berikut ini:

Jadual 5
Analisis Regresi Berganda Menunjukkan Pertalian dan Kesan Drama KOMSAS
yang Mengandungi Nilai-nilai Murni Terhadap Responden

Latar Belakang Sosial (N=60)	Beta	t	Ubahsuai R ²	Signifikan
1. Etnik	-0.012	-0.078	0.140	P<0.110
2. Jantina	0.008	0.015	0.184	P<0.058**
3. SES	0.060	0.441	0.481	P<0.00*
Keseluruhan	0.018	0.126	0.268	P<0.056**

Nota: * Signifikan pada aras $p < 0.05$

** Signifikan pada aras $p < 0.10$

Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa secara keseluruhannya nilai betanya 0.018 dan nilai t 0.126 setelah diubah suai sumbangannya 0.268 dan signifikan pada 0.056 (alternatif 0.10). Ini bermakna bahawa sumbangan tiga teks drama berdasarkan Teori Sastera Perpaduan yang diaplikasikan menyumbang 26.8% kepada pandangan para pembaca terhadap 16 nilai murni. Sumbangan ini walaupun tidak besar tetapi bermakna, kerana pengaruh bahasa menunjukkan ada sumbangan terhadap perpaduan yang dilihat melalui teori tersebut. Bagaimanapun, jadual di atas tidak menunjukkan semua aspek latar belakang responden mempunyai kesignifikannya, tetapi jantina dan SES ada peranan dan pengaruh dalam konteks ini. Ketidaksignifikan etnik adalah di luar jangkaan dan tidak signifikan itu berkemungkinan pengaruh SES adalah lebih kuat, lantaran pengaruh etnik menjadi kecil akibat daripada proses tinda-tindih analisis regresi berganda yang dijalankan.

Walau apa pun keputusan itu, peranan dan pengaruh 16 item nilai-nilai murni sebanyak 26.8% itu boleh dijadikan titik tolak ke arah kesan yang lebih besar sekiranya persampelan yang digunakan dalam kuantiti yang besar. Demikian juga kajian mikro yang dilakukan ini memerlukan kajian yang lebih besar dalam bentuk makro.

Oleh yang demikian, hipotesis nol yang berbunyi: “Tidak ada hubungan yang signifikan antara latar belakang sosial responden dengan tanggapan mereka terhadap nilai-nilai murni dalam teks drama dalam pembentukan perpaduan” adalah **ditolak**. Sebaliknya, dapatan kajian ini diterima yang membawa maksud bahawa ada hubungan yang signifikan antara latar belakang sosial responden dengan 16 nilai murni menerusi teks drama yang dikaji dari Teori Sastera Perpaduan.

INTERPRETASI DAN PERBINCANGAN

Pengajaran Bahasa Melayu yang mengandungi nilai-nilai murni melalui pendekatan teks dan perbincangan dapat dilihat kesannya dalam konteks

sastera perpaduan. Kesan tersebut bermakna bahawa kaedah teks dan perbincangan yang digunakan adalah sesuai. Kaedah teks dan perbincangan ini merupakan kontak langsung antara Teori Sastera Perpaduan dengan 16 nilai murni dalam teks drama yang dibentuk. Dengan demikian, didapati bahawa pengajaran yang menggunakan teks dan perbincangan itu nampaknya pantas dikuasai dan kesemua nilai murni itu mendorong merapatkan hubungan responden.

Para responden daripada pelbagai etnik dirapatkan perpaduannya melalui nilai murni yang diterapkan. Oleh itu, etnik tidak menunjukkan perbezaan pendapat yang signifikan. Demikian juga dengan aspek SES yang berbeza adalah signifikan dengan Teori Sastera Perpaduan berhubung dengan bahasa yang mengandungi nilai-nilai murni. Justeru perkaitan antara responden dengan teks yang mengandungi 16 nilai murni mampu melorong perpaduan berdasarkan teori yang dijadikan pendekatannya.

Beberapa sebab dikenal pasti untuk menjelaskan SES paling kuat pengaruh dan signifikan berbanding dengan aspek etnik dan jantina. SES yang tinggi akan memperolehi prasarana. Prasarana itu mempengaruhi juga pengalaman membaca mereka. Dari segi lain, kemudahan prasarana itu ada kepentingan dalam meningkatkan kemahiran dalam berbahasa, umpamanya mengikuti kelas-kelas tuisyen di luar sekolah.

Sementara itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kaitan antara SES dengan usaha penyesuaian diri dengan nilai-nilai murni, termasuk menjadikan bahasa sebagai suatu petunjuk umum di dalam subjek Geografi (Tokijan Abd Halim & Abdullah Mohd Noor, 1993); Matematik (Abdul Razak Habib, 1993); Sains (Nor Azizah Salleh & Shamsiah Ahmad, 1993); Kemahiran Hidup (Halimah Harun, 1993); Pendidikan Jasmani (Yusoff Ismail, 1993); dan Aktiviti Kokurikulum (Adnan Nan Kamis, 1993) yang membuahkan keputusan bahawa SES yang tinggi di kalangan pelajar akan mempunyai pencapaian yang baik.

Secara kebetulan, dasar-dasar kerajaan kini menyaksikan usaha mereka memajukan taraf sosio-ekonomi, meningkatkan keupayaan belajar, memperolehi pengetahuan, dan seterusnya pengetahuan yang mengandungi nilai-nilai murni, termasuk KOMSAS. Kesemua dasar tersebut adalah penting untuk membentuk sendiri setiap individu. Kajian ini menunjukkan bahawa teks KOMSAS yang bercirikan nilai murni membantu ke arah matlamat yang lebih penting, iaitu penyatuan rakyat dan membantuk perpaduan.

Dapatan kajian ini selari dengan yang dikaji oleh Fakulti Pendidikan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) pada tahun 1987-1989, iaitu bahawa Bahasa Melayu menyumbang kepada perpaduan yang dikaji dalam kerangka pendidikan. Demikian juga dapatan kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh Adnan Nan Kamis (1992). Sehubungan dengan itu, KOMSAS ada kerelevanannya dalam konteks menyubur perpaduan di negara ini. Oleh itu, bahan sastera boleh membantu bukan sahaja bahasa, tetapi juga perpaduan di kalangan rakyat.

Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan asas kepada guru-guru bahawa bahan sastra yang mengandungi nilai-nilai murni boleh dikembangkan dan diluaskan dalam genre yang lain, umpamanya novel, cerpen, ataupun puisi. Seandainya genre tersebut digunapakai dengan luas, maka pembentukan nilai-nilai murni akan menjadi lebih berkesan. Penggunaan bahan sastra tidaklah wajar mengetepikan unsur ini. Penekanan terhadap aspek struktur dalam sastra untuk KOMSAS Bahasa Melayu adalah tidak relevan. Salah tanggapan ini menyebabkan KOMSAS dan sastra *per se* tidak dapat dibezakan pendekatan pengajarannya (Adnan Kamis & Chew Fong Peng, 2002).

Justeru itu, seandainya teks KOMSAS dipilih secara rapi berdasarkan 16 nilai murni tersebut, maka KOMSAS bukan sahaja dapat melahirkan insan yang berakhlak mulia, tetapi juga membentuk hubungan silaturahim dan semangat perpaduan yang kental di kalangan pelajar seluruh Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah satu kajian kecil yang telah menunjukkan impaknya kepada perpaduan dan Teori Sastra Perpaduan yang digunapakai menunjukkan kekuatan yang kuat. Selain itu, kajian ini juga melengkapkan mata pelajaran lain yang dikaji dari aspek nilai murni dengan menumpukan perhatian kepada Bahasa Melayu, khususnya teks drama KOMSAS. Oleh itu, Teori Sastra Perpaduan (Chew Fong Peng, 2005) boleh diuji dalam genre-genre yang lain seperti novel, cerpen, puisi dengan mengambil bahasa yang mengandungi nilai-nilai murni sebagai konstruksinya. Adalah diharapkan kajian ini membuka ruang yang lebih luas dalam konteks pembentukan perpaduan di kalangan rakyat melalui bahan sastra yang mengandungi nilai-nilai murni seperti yang dinyatakan oleh J.G. Martin (1966) bahawa perkongsian nilai murni dapat menanam toleransi rakyat bagi mencegah prasangka.

Bibliografi

- Abdul Razak Habib. (1993). "Tinjauan Awal tentang Keberkesanan Pendidikan Matematik KBSM" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Adnan Nan Kamis. (1992). "Satu Kajian Latar Belakang Sosial dan Hubungannya kepada Sikap Prasangka atau Toleransi terhadap Integrasi Nasional". *Tesis Dr. Falsafah Tidak Diterbitkan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan Nan Kamis. (1993). "Aktiviti Kokurikulum Dasar KBSM: Ke Arah Kemantapan Insan Seimbang" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].

- Adnan Kamis & Chew Fong Peng. (2002). "Kemampuan Bahasa Melayu dan Sastra Kebangsaan dalam Mengisi Perpaduan Nasional". *Kertas kerja* dibentangkan dalam Seminar Pemikiran Kebangsaan Melayu di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada 18-19 Jun.
- Ahmad Jaffni Hassan. (1993). "Pendidikan Moral dalam KBSM: Satu Arah Memupuk Insan Harmonis" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Chew Fong Peng. (2005). *Sastra Perpaduan di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Halimah Harun. (1993). "Melahirkan Masyarakat Berdikari Melalui Mata Pelajaran Kemahiran Hidup dalam KBSM" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003a). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003b). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Martin, J.G. (1966). *The Tolerant Personality*. Detroit, USA: Detroit Dyne State University Press.
- Mohammad Sani Ibrahim. (1999). "Perancangan dan Strategi Pelaksanaan Latihan Guru-guru Sekolah Bestari" dalam *Prosiding Isu-isu Pendidikan Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Jonit Mohd Johari & Abdul Rashid Ali. (1993). "Unsur Sosiobudaya dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mohd Kamal Hassan. (1988). *Pendidikan dengan Pembangunan: Satu Perspektif dan Warisan Islam*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Musa Daia. (1993). "Falsafah Pendidikan Negara dalam Pelaksanaan KBSM" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nor Azizah Salleh & Shamsiah Ahmad. (1993). "Pendidikan Sains dalam KBSM: Satu Tinjauan Keberkesanannya dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Tajul Ariffin Noordin. (1993). "Pendidikan Bersepadu: Konsep dan Falsafahnya dalam KBSM" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Tokijan Abd Halim & Abdullah Mohd Noor. (1993). "Persepsi Guru Geografi terhadap Pendidikan Sepadu dan Penerapan Nilai Murni" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Yusoff Ismail. (1993). "Peranan Pendidikan Jasmani dalam KBSM" dalam Adnan Kamis [ed]. *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].



Objektif KOMSAS dalam Bahasa Melayu, antara lain, menekankan pemupukan dan penghayatan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi, dan adat resam pelbagai kaum di negara ini serta selaras pula dengan nilai-nilai moral sejagat.